

22 FEB 1999

Sabah-Ghapur

GHAPUR SAYANG UMNO, MAHU TERUS MENCURAH BAKTI UNTUK RAKYAT

Oleh: Azman Zakaria

TAWAU, 22 Feb (Bernama) -- Mungkin ada yang beranggapan bekas Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Abdul Ghapur Salleh tidak lagi berminat dalam politik dan karier politiknya sudah tamat.

Keputusannya untuk meletak jawatan dalam kerajaan -- sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah serta sebagai Timbalan Ketua Perhubungan Umno negeri pada 13 Dis 1997 mengejutkan semua pihak khususnya penduduk di kawasan Dewan Undangan Negeri Merotai di sini yang diwakilinya.

"Tetapi sebenarnya rasa sayang dan cinta saya kepada Umno tetap menebal dan saya mahu terus mencurah bakti dan khidmat kepada rakyat Sabah," kata beliau ketika ditemui di kediamannya di sini.

Semasa mengumumkan keputusannya untuk meletakkan jawatan pada kali pertama, Ghapur menyebut masalah peribadi serta kegagalan beliau menjalankan tugas sebagai alasan.

Pada 2 Jan 1998, Ghapur, 55, menarik balik keputusannya itu setelah beliau mendapat nasihat daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno agar mempertimbangkan keputusannya itu.

Tetapi pada 28 Mei 1998 apabila Tan Sri Bernard Dompok mengambil alih jawatan Ketua Menteri mengikut sistem pengiliran jawatan itu, Ghapur meminta supaya beliau tidak disenaraikan dalam barisan baru Kabinet negeri yang mengangkat sumpah jawatan pada hari itu atas alasan yang sama.

Ghapur yang dilahirkan pada 21 Mac 1943 menceburi politik pada 1970-an dengan menyertai parti Berjaya yang memerintah Sabah ketika itu dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Merotai pada 1981 tetapi tewas pada pilihan raya 1985.

Ghapur terus bersedia untuk mencurah bakti kepada penduduk Merotai dan Kalabakan dalam pilihan raya negeri yang bakal diadakan.

Kalabakan merupakan kawasan Dewan Undangan Negeri yang baru berikutan persempadan semula kawasan pilihan raya dan beliau dijangka bertanding di kawasan itu pada pilihan raya kali ini.

"Penduduk di Merotai dan Kalabakan pada mulanya kecewa dengan keputusan saya meletak jawatan tetapi apabila diberikan penjelasan mereka faham."

"Malahan mereka memberi sokongan tidak berbelah bahagi kepada saya pada pilihan raya ini...jika dicalonkan dan menang, dan BN membentuk kerajaan mereka mahukan saya mengambil apa jua jawatan yang ditawarkan," katanya.

-- BERNAMA

AZ PR